

06 JUN 1999
Abdullah-SPR

TIADA SEBAB BINCANG DENGAN PEMBANGKANG UNTUK LANTIK PENERUSI SPR

KEPALA BATAS, 6 Jun (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang untuk berbincang dengan parti-parti pembangkang dalam urusan melantik Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang baru kerana pilihan raya di negara ini sentiasa berjalan lancar.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini berkata perlantikan pengerusi suruhanjaya itu bukan sesuatu isu dan sejarah pilihan raya di negara ini setakat ini tidak pernah menghadapi masalah.

Katanya jika pihak pembangkang mempunyai sebarang masalah yang berkaitan dengan pilihan raya, mereka harus menghubungi SPR bagi mendapatkan penjelasan dan sebagainya.

Abdullah berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar yang memetik Setiausaha Agung parti DAP Lim Kit Siang yang meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berbincang dengan parti-parti pembangkang sebelum melantik pengerusi SPR yang baru bagi menggantikan Datuk Harun Din.

Harun akan bersara pada 21 Jun selepas memegang jawatan itu selama sembilan tahun.

"Pembangkang sering menimbulkan pelbagai isu menjelang pilihan raya dan kita menganggap ia sebagai satu kebiasaan sahaja kerana pilihan raya negara ini sentiasa berjalan tanpa sebarang masalah," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat UMNO Bahagian Kepala Batas di sini.

Mengenai kenyataan Presiden PAS kononnya isu kafir-mengkafir orang UMNO sebenarnya ditimbulkan oleh UMNO sendiri, Abdullah berkata PAS sebenarnya telah lama menggunakan isu mengkafirkan orang UMNO dalam kempen mereka.

Menurutnya isu itu bukan sesuatu yang baru dan Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Aziz Nik Mat sendiri mengakui bahawa isu itu ditimbulkan oleh para pelampau dalam parti mereka.

"Adalah menjadi kesalahan dan hukum yang berat mengkafirkan orang Islam dan ia tidak sepatutnya menjadi isu politik," katanya.

-- BERNAMA

AA LAT